



# BERHEMAH ELAK KEMALANGAN

**S**EBELUM memulakan perjalanan jauh sepatutnya anda sudah menghantar kenderaan untuk diservis mengikut kadar perjalanan ditetapkan pengeluar kereta. Kita tidak perlu terburu-buru untuk ke destinasi yang dituju atau balik ke kota. Dengan memandu dalam keadaan tenang dan berhemah, kita boleh memastikan kita dan penumpang berada dalam keadaan selamat. Ikuti beberapa panduan berikut:

- ▶ **Penyediaan kenderaan**  
Periksa kenderaan sebelum memulakan sebarang perjalanan jauh. Sekiranya anda tidak pasti untuk berbuat demikian, hantar kenderaan ke pusat servis. Periksa tekanan angin dan corak bunga tayar, lampu, sistem brek, sistem penyejuk dan komponen kereta lain.
- ▶ **Penyimpanan barangan**  
Anda mesti memastikan semua barangan disimpan di ruang bagasi kereta anda. Jangan

biarkan bersepah dalam kereta anda kerana objek kecil boleh menjadi berbahaya jika terjadi kemalangan.

- ▶ **Sentiasa memandu dengan berhati-hati.** Berilah laluan kepada kereta di hadapan atau di belakang anda. Sentiasa nyalakan lampu isyarat jika ingin beralih lorong atau membelok masuk ke simpang.
- ▶ **Anda** perlu berada di lorong sebelah kiri jika tidak memotong kenderaan lain.

Beri laluan pada kereta yang lebih laju. Sentiasa bersabar dan jangan lakukan provokasi kepada pemandu lain dengan sebarang tindakan agresif.

- ▶ **Sentiasa** perhatikan dan peka dengan pemandu yang baru belajar memandu. Cuti perayaan adalah masa popular untuk mereka belajar memandu.
- ▶ **Pakai** tali pinggang keledar anda. Terlalu banyak kemalangan maut yang berlaku di negara ini kerana aspek keselamatan dipandang remeh. Adalah menjadi tanggungjawab pemandu memastikan semua penumpang dalam kereta sentiasa memakai tali pinggang keledar.
- ▶ **Pastikan** jarak selamat antara kereta anda dengan kereta di hadapan bagi memberi masa untuk kita membrek dan berhenti jika berlaku kecemasan.

- ▶ **Lebuh** raya untuk dikongsi dan kita perlu lebih bertolak ansur dan bertimbang rasa.
- ▶ **Penat memandu**  
Ketika memandu anda akan menghabiskan banyak waktu dalam kereta kerana lalu lintas sesak. Perjalanan jauh sememangnya memenatkan dan keletihan pemandu boleh mengakibatkan kemalangan

dan sehubungan itu, anda perlu mengambil langkah wajar bagi mengelak keletihan serta membuatkan kita peka ketika memandu.

- ▶ **Pastikan** tidur secukupnya sebelum memulakan perjalanan dan dinasihatkan melakukan perjalanan jauh pada hari siang supaya membolehkan anda sentiasa berada dalam keadaan jaga.
- ▶ **Rancang** waktu perjalanan dan berhenti rehat buat jika penat, keluar dari kereta dan berjalan atau lakukan sedikit senaman. Jika sangat letih, tidur sebentar.
- ▶ **Jika** dalam kereta ada lebih daripada seorang pemandu, pandulah bergilir-gilir.
- ▶ **Jangan** memandu dalam keadaan mengantuk serta memandu laju kerana kebanyakan kemalangan maut akibat dua faktor ini.

▶ **Kawal** sikap panas baran kerana kadangkala memandu boleh menjadikan sesiapa saja kecewa dan mudah marah. Dengan kesibukan lalu lintas dan keadaan cuaca yang panas ditambah pula berpuasa, tahap kesabaran kita sebagai manusia sentiasa diduga. Demi keselamatan bersama, janganlah kita bersikap panas baran ketika memandu.